

Hubungan Diplomatik

Cara Jalinan Hubungan Diplomatik

Pengiktirafan

- Mengabsahkan sultan sebagai pemerintah.
- Mewujudkan **hubungan** antara kerajaan berdaulat yang mempunyai **taraf yang sama**.



▶ Pada abad ke-15, Sultan Mahmud Shah pemerintah Kesultanan Melayu Melaka mengiktiraf Kedah sebagai kerajaan berdaulat dan Kedah mengakui pertuanan Sultan Melaka.

▶ Pada tahun 1775, Sultan Terengganu mengiktiraf kerajaan Kelantan yang telah disatukan di bawah pemerintahan Long Yunus.

Pertahanan

- Menjamin **kelangsungan** sesebuah kerajaan.
- Mengekalkan **kedaulatan** daripada campurtangan kuasa lain.



Kota Kuala Kedah



▶ Long Yunus mendapatkan bantuan ketenteraan daripada kerajaan Terengganu dan kerajaan Reman di Hulu Perak dalam usaha menyatukan Kelantan.

▶ Pelantikan Long Gaffar dari kerajaan Reman sebagai Panglima Perang merangkap Perdana Menteri Kelantan membantu mengekalkan keamanan Kelantan.

Perkahwinan

- Merupakan amalan tradisi kerajaan negeri-negeri Melayu.
- Mengukuhkan hubungan dan menjamin kedaulatan sesebuah kerajaan.



▶ Onang Kening, iaitu puteri Kelantan dikahwinkan dengan Sultan Mahmud Shah dari Melaka dan melahirkan Raja Muzaffar yang menjadi Sultan Perak pertama.

▶ Che' Ku Wan, iaitu puteri Long Yunus dikahwinkan dengan Tengku Muhammad, putera Sultan Terengganu.

▶ Raja Perlis, iaitu Raja Syed Hussin dikahwinkan dengan Tengku Nor Asiah, iaitu cucunda kepada Sultan Abdullah Mukarram Shah, Sultan Kedah ke-20.